

# LEX READ

NOVEMBER 2023

Transgender  
Women  
In Sports

PM DR.  
NIK SALIDA

MENULIS



Equal Treatment or  
Equal Outcomes?



JUU LEX READ

e-ISSN: 2811-3462



*Sumber Gambar: Drama Juvenile Justice, Netflix*

# PERMOHONAN MAAF DALAM PROSIDING TATATERTIB PELAJAR

Oleh: Farihana binti Abdul Razak (farihana@uitm.edu.my)  
& Amylia Fuziana Azmi (amyli2597@uitm.edu.my)

Setiap pelajar yang mendaftar di mana-mana institusi pengajian tinggi adalah terikat dengan peraturan kampus dan universiti agar keharmonian dan kesentosaan dalam kampus dapat dijunjung dan dimartabatkan. Di Universiti Teknologi MARA, **Akta 174** adalah akta yang tidak asing lagi kepada para pelajar kerana mereka telah diperkenalkan dengan Akta 174 tersebut pada sesi Minggu Destini Siswa (MDS).

Slot **Akta 174** pada MDS yang disampaikan oleh pensyarah undang-undang akan menyentuh tentang peraturan, kesalahan, tindakan tatatertib dan rayuan. **Akta 174** merupakan **Akta Institusi-Institusi pelajaran (Tatatertib) 1976** yang diperkenalkan pada 1 Jun 1976. Terdapat enam bahagian dalam Akta tersebut iaitu Permulaan, Pihak Berkuasa Tatatertib, Jawatankuasa Perwakilan Pelajar dan Badan Pelajar Lain, Kesalahan, Peralihan, Am dan turut terkandung Jadual Pertama, Jadual Kedua juga Jadual Ketiga.

“**Mitigasi adalah salah satu prosedur yang membenarkan pelajar kena tuduh dan mengaku bersalah itu untuk memohon meringankan hukuman atas kesalahan yang telah dilakukannya.**”

Larangan-larangan terhadap pelajar merangkumi tatatertib am, tatatertib asrama dan tatatertib lalu lintas. Ianya sangat penting dan menjadi keutamaan bagi mendidik para pelajar yang baru melaporkan diri agar cuba tidak melakukan kesalahan dan kesan sekiranya didapati dengan sengaja melakukan kesalahan yang tidak dibenarkan oleh pihak universiti.

Namun begitu, walaupun diberikan perincian berhubung dengan peraturan dan kesalahan dalam universiti, masih terdapat sebilangan pelajar yang melanggar peraturan yang telah ditetapkan dengan melakukan kesalahan. Contohnya melanggar peraturan lalu lintas dengan membawa melebihi had laju yang ditetapkan, memiliki dan menghisap rokok atau rokok elektronik, bergaduh, mencuri, berjudi dalam kampus, memiliki bahan lucah, vandalisme, ditangkap berdua-duaan berlainan jantina (khalwat), tidak terkecuali kesalahan penyalahgunaan dadah dan lain-lain lagi.

Sekiranya kesalahan yang dilakukan oleh pelajar adalah kesalahan yang boleh dibawa ke prosiding tatatertib, maka mereka akan melalui prosiding tersebut untuk pendengaran dan perbicaraan fakta kes.

Setelah meneliti fakta kes dan pengakuan yang dibuat oleh pelajar tersebut, keputusan akan dibuat oleh pihak ahli jawatan-kuasa tatatertib yang dilantik bagi memberi hukuman terhadap kesalahan yang dilakukan oleh pelajar terbabit.

Jika pelajar yang dihadapkan di prosiding tatatertib didapati bersalah dan mengaku akan perbuatannya, hukuman yang dikenakan antaranya adalah amaran sehingga di buang daripada universiti; bergantung kepada jenis kesalahan dan mitigasi yang dilakukan oleh pelajar tersebut.

Mitigasi adalah salah satu prosedur yang membenarkan pelajar kena tuduh dan mengaku bersalah itu untuk memohon meringankan hukuman atas kesalahan yang telah dilakukannya.

Rayuan meringankan hukuman atau dikenali sebagai mitigasi ini dapat memberi kesan kepada hukuman yang akan diputuskan dan dikenakan kepada pelajar tersebut.

Mitigasi ini tidak akan menafikan kesalahan yang telah dilakukan oleh pelajar tetapi lebih tertumpu kepada permohonan agar panel tatatertib mempertimbangkan untuk meringankan hukuman terhadapnya.



Adalah mustahak bagi panel yang dilantik sebagai ahli jawatankuasa tatatertib bagi pendengaran kes tatatertib pelajar untuk memperhalusi dan mendengar terhadap mitigasi yang dibuat oleh pelajar yang telah mengaku bahawa dia telah melakukan kesalahan.

Kebiasaannya, mitigasi ini bermula dengan ungkapan permohonan maaf daripada pelajar yang mengaku bersalah dan menyesali akan perbuatan yang telah dilakukan olehnya hingga mendatangkan mudarat kepada dirinya sendiri, orang lain dan perbuatan tersebut telah mencemarkan nama baik universiti. Menurut **Kaedah 3(a) bahagian II Akta 174**:

*“Seseorang pelajar tidak boleh berkelakuan, sama ada di dalam atau di luar kampus, secara yang boleh merosakkan atau mendatangkan mudarat kepada kepentingan, kesentosaan atau nama baik Institusi, atau kepada kepentingan, kesentosaan atau nama baik mana-mana pelajar, kakitangan, pegawai, atau pekerja Institusi, atau kepada ketenteraman atau keselamatan awam, atau kepada akhlak, kesopanan atau tatatertib”*

Pastinya dengan ungkapan permohonan maaf daripada pelajar setelah mengaku bersalah di atas kesalahan yang dituduh kepadanya akan memberi kesan terhadap prosiding tatatertib. Walau bagaimanapun, melalui mitigasi yang dipersembahkan oleh pelajar pada ketika prosiding tatatertib, air muka atau riak wajah ketika mitigasi turut memainkan peranan yang penting.

Daripada ‘bahasa badan’, panel tatatertib pastinya dapat melihat dengan jelas sama ada

“ Daripada ‘bahasa badan’, panel tatatertib pastinya dapat melihat dengan jelas sama ada pelajar tersebut benar-benar menyesali kesalahan yang dilakukan atau sebaliknya. ”

pelajar tersebut benar-benar menyesali kesalahan yang dilakukan atau sebaliknya. Panel prosiding tatatertib akan turut menilai kesalahan yang dilakukan itu sama ada kesalahan pertama atau kesalahan yang berulang kali. Permohonan maaf bagi seseorang terlihat seperti mudah tetapi seni dan pertuturan bagi memohon maaf adalah berbeza antara setiap individu dan bergantung kepada emosi, latar belakang dan keikhlasan.

Ungkapan permohonan maaf yang tulus akan melahirkan empati dan pertimbangan oleh penerima ungkapan maaf. Justeru, dalam setiap prosiding tatatertib pelajar, didapati ada sebilangan pelajar yang telah mengaku bersalah atas perbuatannya, ketika diajukan ruang untuk mitigasi, mereka tidak meminta maaf dan ada sebilangan daripada mereka memohon maaf.

Perbezaan emosi dapat dilihat terutama bagi pelajar yang meminta maaf, mereka sering kali dilihat dengan mata berkaca dan penyesalan yang tinggi. Ada dalam kalangan mereka yang mengakui bahawa mereka terlepas pandang akan perbuatan yang dilakukan itu adalah salah dan melanggar peraturan universiti. Berbanding dengan pelajar yang terus kaku tanpa meminta maaf, mereka nyata tidak merasakan perbuatan yang mereka lakukan itu adalah melanggar peraturan universiti dan suatu kesalahan.



*“Tindakan terhadap pelajar melalui prosiding tatatertib di peringkat universiti bukanlah untuk menghukum pelajar semata-mata tetapi lebih tertumpu untuk memberi kesedaran kepada mereka bahawa universiti adalah tempat mencari ilmu dan meluaskan aspek serta nilai-nilai baik terhadap diri sendiri dan insan sekeliling.”*



Kebiasaannya, bagi pelajar yang tulus membuat permohonan maaf, pengerusi tatatertib pelajar, setelah berbincang dengan ahli jawatankuasa yang lain akan mempertimbangkan hukuman yang lebih rendah sebagai pengajaran kepadanya. Tuntasnya, tindakan terhadap pelajar melalui prosiding tatatertib di peringkat universiti bukanlah untuk menghukum pelajar semata-mata tetapi lebih tertumpu untuk memberi kesedaran kepada mereka bahawa universiti adalah tempat mencari ilmu dan meluaskan aspek serta nilai-nilai baik terhadap diri sendiri dan insan sekeliling.

Seiring itu, dalam prosiding tatatertib pelajar, ahli jawatankuasa acap kali menasihati pelajar yang dihadapkan dalam prosiding agar sentiasa kembali kepada Pencipta, menyesali perbuatan dan berubah menjadi insan yang lebih baik. Setiap daripada kita pasti tidak lari daripada melakukan kesalahan dan penyesalan terhadap kesalahan itu sedikit sebanyak akan mengubah seseorang agar sentiasa cuba melakukan yang terbaik dan menjadi orang yang baik dari hari ke hari.

Oleh itu, amatlah penting memberi pengajaran dan nasihat kepada pelajar yang mengaku telah melakukan kesalahan.

Usaha ini dapat membentuk pelajar menjadi insan yang berguna pada masa akan datang. Dalam masa yang sama, ahli jawatankuasa tatatertib tidak terkecuali mendidik diri sendiri dalam berhadapan dengan pelbagai isu dan masalah yang dilakukan oleh para pelajar.

Kesimpulannya, ungkapan permohonan maaf adalah satu seni psikologi dan bergantung kepada individu itu sendiri. Tiada paksaan dalam mengungkapkan permohonan maaf tetapi nilainya begitu besar bergantung kepada situasi. Secara umumnya, kita harus belajar meminta maaf dan memaafkan.

Sekiranya kita adalah seorang pelajar yang melakukan kesalahan, kita perlu minta maaf dan jika kita adalah panel ahli jawatankuasa tatatertib, kita perlu bersedia dan sentiasa belajar untuk memaafkan namun mestilah dengan tindakan yang betul supaya kedua-dua pihak peroleh keseimbangan dan pengajaran.

#### **RUJUKAN**

Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976